

Headline	Projek Eucalyptus tingkat bekalan kayu negara		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Sep 2022	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	18	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	235 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,099
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,297



## Projek Eucalyptus tingkat bekalan kayu negara

**JEMPOL** – Projek Komuniti Perladangan Eucalyptus di Batu Kikir, di sini bakal menjadi platform terbaik dalam memenuhi keperluan industri perakayan serta perabot negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, konsep itu sudah lama dilaksanakan di luar negara dan sudah tiba masanya dimanfaatkan penduduk tempatan terutama di tanah adat terbiar dan tanah pinggir.

“Melalui projek ini, masyarakat menanam kayu yang boleh digunakan untuk industri perabot. Ia merupakan inisiatif yang baik daripada membiarkan tanah terbiar.

“Hasilnya juga lumayan yang mana setiap satu ekar, sebanyak 600 batang pokok Eucalyptus ditanam. Selepas enam tahun, sebatang pokok boleh dijual pada harga RM200, pembelinya daripada Persatuan Pekilang Papan Lapis Malaysia (MPMA),” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Nurseri dan Perasmian Perladangan Komuniti di Batu Kikir semalam.

Projek perintis inisiatif Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) dan MPMA itu disertai 78 peserta. Menerusi projek itu, peserta menerima anak pokok Eucalyptus dan dipantau Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Mengulas lanjut, beliau berkata, permintaan kayu kayan Malaysia di luar negara amat menggalakkan, namun bekalannya tidak dapat dipenuhi kerana tidak mencukupi.

“Kayu kayan Malaysia tahan lama dan harganya kompetitif, malah produk perabot dengan ‘workmanship’ berkualiti tinggi mampu menarik pelabur dan pembeli luar,” katanya.

Industri perakayan merupakan sektor penting negara apabila merekodkan eksport RM13.2 bilion bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini.



**ZURaida (empat dari kanan) menyempurnakan Majlis Pelancaran Nurseri dan Perasmian Perladangan Komuniti di Jempol, Negeri Sembilan semalam.**